

MAHATHIR—SEDERHANA

1979
KULIM, 6 DIS. (BERNAMA) —TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI SIKAP KESEDERHANAAN KERAJAAN TELAH MEMBAWA PERTUMBUHAN EKONOMI YANG SIHAT WALAUPUN DUNIA MENGHADAPI KEMEROSOTAN EKONOMI.

KATANYA, KEBANYAKAN DARIPADA NEGARA ASING MENGLAMI KEMEROSOTAN EKONOMI DAN TIDAK DAPAT MENJELASKAN HUTANG NEGARA MASING-MASING DAN HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN PULA MELAMBUNG TINGGI.

WALAUPUN MALAYSIA MENGLAMI KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG NAMUN TEGASNYA IA TIDAK SEBERAT YANG DI ALAMI OLEH NEGARA-NEGARA ASING.

MALAYSIA, KATANYA, BERTUAH KERANA MEMPUNYAI SEBUAH KERAJAAN YANG BERSIKAP SEDERHANA DAN KEMEROSOTAN EKONOMI TIDAK DIALAMI PADA TAHUN INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI PERHIMPUNAN RAMAI DI PADANG SEKOLAH MENENGAH SULTAN BADLISHAH DI SINI YANG DIHADIRI OLEH HAMPIR 10,000 ORANG.

LAWATANNYA KE KULIM DAN BANDAR BAHARU IALAH SEMPENA LAWATAN RASMI SELAMA TIGA HARI KE KEDAH. — BERSAMBUNG 1415/1B

TURUT SAMA DALAM PERHIMPUNAN ITU IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH; MENTERI BESAR DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN; TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, ENCIK SANUSI JUNID; AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT, DEWAN NEGERI DAN KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN. MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, HASIL PENGELUARAN NEGARA TAHUN INI ADALAH BAIK DAN EKONOMINYA MENCAPAI PERKEMBANGAN YANG TERMAJU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBIDAS +SEGELINTIR GOLONGAN+ YANG KURANG SENANG DENGAN SIKAP KESERDAHAAN KERAJAAN.

GOLONGAN TERSEBUT, KATANYA, CUBA MENANAMKAN PERASAAN DENGKI DI KALANGAN RAKYAT TERHADAP KERAJAAN DENGAN MEMBUAT BERMACAM TUDUHAN TERMASUK KONONNYA KERAJAAN HANYA MENOLONG SATU KAUM SAHAJA SEDANGKAN KAUM YANG LAIN TERTINDAS. — BERSAMBUNG 1525/YF

B542

MAHATHIR - SEDERHANA 3 KULIM

KATANYA, GOLONGAN EKSTREMIS ITU BERBUAT DEMIKIAN SEMATA-MATA KERANA INGIN MEREbut KUASA UNTUK KEPENTINGAN DIRI MEREKA SENDIRI TANPA MENGHIRAUKAN IMPLIKASINYA TERHADAP NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA GOLONGAN EKSTREMIS ITU TELAH MENIMBULKAN PERKARA TERSEBUT SEMASA PILIHANRAYA KECIL PELABUHAN KELANG BARU-BARU INI TETAPI RAKYAT TIDAK TERPENGARUH DENGAN DAKYAH MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENYENTUH TENTANG TEKTIK DAP YANG MEMBANGKITKAN PERASAAN TIDAK PUAS HATI DI KALANGAN ORANG-ORANG CHINA DENGAN MENDAKWA KONONNYA KERAJAAN HANYA MEMBANTU ORANG-ORANG MELAYU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA SESUATU YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN BUKAN SAHAJA MENGUNTUNGAN SATU KAUM TETAPI SEMUA KAUM TELAH DAN AKAN DAPAT MERASAI NIKMATNYA.

SEBAGAI CONTOH, KERAJAAN TELAH MENGELUARKAN PERBELANJAAN \$400 JUTA UNTUK MEMBANGUNKAN KAWASAN PERTANIAN MUDA YANG TELAH MEMBERI FAEDAH BUKAN SAHAJA KEPADA GOLONGAN TANI YANG TERDIRI ORANG-ORANG MELAYU TETAPI JUGA KEPADA PIHAK-PIHAK LAIN SEPERTI PEMBORONG BINAAN, PEMBEKAL-JENTERA MEMBAJAK DAN SEBAGAINYA YANG TERDIRI DARI BUKAN MELAYU. — BERSAMBUNG 1530/YF

MAHATHIR - SEDERHANA 4 KULIM

INI, KATANYA, JELAS MEMBUKTIKAN BAHAWA SESUATU PROJEK YANG DILAKSANA OLEH KERAJAAN MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA SEMUA KAUM DAN BUKAN SATU KAUM SAHAJA. BEGITU JUGA DENGAN DASAR EKONOKI BARU YANG AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA RAKYAT DAN BUKAN SESUATU KAUM SAHAJA.

SEBELUM ITU, MENTERI BESAR DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN BERKATA TIMBALAN PERDANA MENTERI SEDANG MEMIKIRKAN KEMUNGKINAN MEMBINA SEBATANG JALANRAYA UNTUK MENGHUBUNGKAN DAERAH KULIM DENGAN LEBUHRAYA TIMUR-BARAT.

JIKA PEMBINAAN JALAN TERSEBUT MENJADI KENYATAAN, DAERAH KULIM AKAN TERUS DAPAT MENIKMATI PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN YANG PESAT DI MASA-AKAN DATANG.

SEMENTARA ITU, KETIKA BERUCAP DI UPACARA MELETAK BATU ASAS MASJID BARU DI BANDAR BAHARU, 31 BATU DARI SINI PAGI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN RAKYAT TENTANG BAHAYA MENJADIKAN AGAMA SEBAGAI ALAT POLITIK.

KATANYA, DUNIA SEKARANG MENGHADAPI GOLONGAN -GOLONGAN TERTENTU YANG TIDAK TERAGAK-AGAK MEMPERALATKAN AGAMA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK MEREKA SENDIRI. —BERSAMBUNG 1540/1B

MAHATHIR SEDERHANA - 5 KULIM

GOLONGAN TERSEBUT, BUKAN SAHAJA TERDAPAT DI MALAYSIA MALAHAN DI KEBANYAKAN NEGARA ISLAM, TIDAK SEGAN-SEGAN MENGGUNAKAN NAMA TUHAN DAN MEMBUAT TAFSIRAN TENTANG ISLAM TETAPI BERPANDUKAN KEPADA KEPENTINGAN DIRI MEREKA SENDIRI, KATANYA.

KERAJAAN, KATANYA, SENTIASA MEMBERI PERHATIAN BERAT KEPADA KEMAJUAN AGAMA DAN PEMBANGUNAN ROHANIAH DISAMPING PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL. — BERNAMA 1559/YF